

TERMA DAN SYARAT
PERTANDINGAN PAKAIAN BERAGAM SIMPAN SSPN

1. Kempen Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2024 merupakan salah satu kempen yang telah dirangka dan dilaksanakan bermula tahun 2018 sebagai salah satu kempen promosi dalam usaha untuk menjadikan Simpan SSPN sebagai pilihan utama masyarakat untuk membuat penabungan.
2. Pertandingan Pakaian Beragam Simpan SSPN 2024 adalah pertandingan yang disertai oleh kanak-kanak **sekolah tadika** yang memperagakan pakaian beragam bertemakan '**Fantasi**'. Pertandingan dan objektif tema fantasi ini bertujuan untuk membentuk keyakinan peserta di khalayak umum serta dapat memaparkan pembentukan moral yang baik dan juga menjana pemikiran kreatif kanak-kanak sebagai medium pengajaran.
3. Penyertaan adalah terbuka kepada kanak-kanak **sekolah tadika** yang berumur **5 hingga 6 tahun** dengan penglibatan beberapa buah sekolah yang terpilih sahaja.

TARIKH PERTANDINGAN

4. Pertandingan ini akan diadakan pada **29 September 2024 (Ahad)** bertempat di MyTown Shopping Mall, Kuala Lumpur.
5. Semua peserta hendaklah diiringi oleh ibu bapa, guru atau penjaga mereka sepanjang pertandingan.
6. PTPTN mempunyai hak mutlak untuk menukar atau meminda tarikh pertandingan ini sekiranya perlu dengan memberi notis awal melalui laman web rasmi PTPTN, media massa, paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalender sebelum tarikh tersebut.

KELAYAKAN PENYERTAAN

7. Terdiri daripada **warganegara Malaysia**.
8. Pertandingan ini **LAYAK** disertai oleh semua pelanggan PTPTN **KECUALI** kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak).

SYARAT PERTANDINGAN

9. Peserta hendaklah memperagakan pakaian beragam yang bertemakan '**Fantasi**' di atas pentas semasa hari pertandingan.
10. Penyertaan adalah secara **individu** sahaja.
11. Tempoh masa selama **dua (2) minit** akan diberikan kepada setiap peserta untuk memperagakan pakaian beragam.

PAKAIAN DAN PERALATAN TAMBAHAN

12. Pakaian para peserta hendaklah bersetujuan, kemas, sopan dan tidak dibenarkan memakai pakaian yang mencolok mata.
13. Peralatan tambahan yang mendatangkan risiko keselamatan adalah tidak dibenarkan.
14. Peralatan dan pakaian adalah atas tanggungan peserta sendiri.
15. Pihak urus setia tidak bertanggungjawab dalam urusan pakaian atau peralatan untuk peserta yang mengambil bahagian.

PEMILIHAN PEMENANG

16. Markah akan diberikan berdasarkan pakaian yang menepati tema, kreativiti daripada segi pergerakan dan penampilan persembahan peragaan.
17. Juri berhak memotong markah mana-mana peserta bertanding yang tidak mengikuti tema yang ditetapkan.
18. Keputusan juri adalah **muktamad** dan sebarang bantahan tidak akan dilayan.
19. Keputusan pemenang yang diumumkan oleh PTPTN adalah **muktamad**. Sebarang surat menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau apa-apa cubaan untuk mempertikaikan keputusan adalah tidak akan dilayan bagi mana-mana situasi.

HADIAH PERTANDINGAN DAN TUNTUTAN HADIAH

PEMENANG	HADIAH
Pertama	Tunai bernilai RM150 + Sijil x 1 pemenang
Kedua	Tunai bernilai RM120 + Sijil x 1 pemenang
Ketiga	Tunai bernilai RM100 + Sijil x 1 pemenang
Keempat	Tunai bernilai RM80 + Sijil x 1 pemenang
Kelima	Tunai bernilai RM50 + Sijil x 1 pemenang

20. Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik atau ditukar sama ada sebahagian atau keseluruhannya kepada bentuk lain selain yang ditetapkan oleh PTPTN.
21. Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime dalam tempoh **DUA (2) BULAN** dari tarikh pengumuman pemenang. Sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun Simpan SSPN Prime, pembukaan akaun akan dibuat berdasarkan kepada butiran akaun di Simpan SSPN Plus. Jika pemenang tidak mempunyai kedua-dua akaun Simpan SSPN, pihak PTPTN akan membuat pembukaan akaun Simpan SSPN Prime secara *pre-opening*.
22. Pemenang perlu menanggung semua kos tuntutan hadiah dan kehadiran ke majlis penyampaian hadiah, jika berkenaan.

PERUNTUKAN UMUM

23. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat di dalam pertandingan ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian tanpa notis terlebih dahulu. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi pernyataan sepertimana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan terdahulu yang berkaitan dengannya.
24. PTPTN berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan pertandingan ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu dan/ atau tanpa memberikan apa-apa sebab kepada mana-mana peserta. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan pertandingan ini oleh PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana peserta untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan/ atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
25. PTPTN tidak bertanggungjawab ke atas penghantaran penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau salah arah sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya.
26. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati peserta tidak layak dan tidak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan.
27. Jika pemenang didapati tidak memenuhi syarat-syarat untuk mengambil bahagian dalam pertandingan ini atau menebus hadiah yang diberikan, PTPTN berhak untuk membatalkan atau mengambil semula hadiah dan menganugerahkan hadiah yang sama kepada pemenang yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh PTPTN.
28. Penyertaan peserta dalam pertandingan ini adalah atas risiko peserta sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut.
29. Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung pertandingan ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat.
30. PTPTN boleh menggunakan penyertaan peserta termasuk tanpa terhad kepada gambar, video, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi (secara kolektif dinamakan "Bahan"), dan nama peserta, dan/ atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barang atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN.
31. Segala surat-menjurat yang dihantar ke alamat terakhir mengikut rekod PTPTN adalah dianggap telah diserahkan kepada peserta.

Pertandingan Pakaian Beragam Simpan SSPN 2024

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh
Pertandingan Pakaian Beragam Simpan SSPN
Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2024*

Maklumat dikemas kini pada 5 Ogos 2024